


Peserta Minggu Penulis Remaja 2016 bergambar kenangan.



Pembimbing MPR pikul tugas berat

» DBP mahu penulis dipilih jadi pelapis perlu penuhi kriteria ditetapkan

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Pemilihan pembimbing Minggu Penulis Remaja (MPR) bukan untuk eksperimen sehingga boleh ditukar ganti sewenang-wenangnya kerana tanggungjawabnya amat berat.

Pembimbing bukan sekadar mencurahkan ilmu kepengarangan, bahkan memantau peserta dan karya mereka dalam jangka masa panjang sehingga selesai penerbitan naskhah antologi.

Kenyataan itu disuarakan oleh Ketua Bahagian Pembinaan Bakat dan Kepakaran, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Siti Aisah Murad, yang menegaskan, DBP amat serius dalam mengetengahkan pelapis pembimbing MPR.

"Tidak benar kenyataan sesetengah pihak yang menyifatkan DBP pilih bulu dalam pemilihan pembimbing, sebaliknya kami memberi peluang kepada semua penulis bermotivasi yang memenuhi kriteria ditetapkan."

"Pembimbing MPR perlulah setanding dengan prestij program yang bertahan sejak dimulakan pada tahun 1985, sekali gus bermakna mereka perlulah prolific, berketrampilan dan sanggup memberikan komitmen sepenuhnya."

"Selain itu, DBP berperanan untuk memastikan pembimbing yang terpilih mempunyai karya mutakhir supaya dapat dibin-

cangkan bersama-sama peserta, sekali gus tidak hanya menjadikan contoh penulisannya yang lama atau bergantung sepenuhnya kepada karya pengarang lain," kataanya kepada *Sastera BH*.

Siti Aisah berkata demikian pada Majlis Penutupan dan Penyampaian Sijil Bengkel MPR 2016 di Agrotek Garden Resort, Hulu Langat, baru-baru ini, sekali gus turut memberikan reaksi balas kepada artikel *Lohong Hitam MPR* yang disiarkan dalam ruangan Polemik *BH* pada 12 Mac lalu.

Kritik pembimbing

Dalam artikel itu, penulisnya yang juga bekas peserta MPR 2007, Sayidah Mu'izzah Kamarul Shukri mengkritik pemilihan pembimbing, sekali gus menganggapnya tidak memberikan nafas baharu kepada bengkel penulisan berkenaan kerana terus dikelolakan pembimbing sama.

Siti Aisah berkata, pencarian pembimbing selalunya dilakukan dengan memberikan mereka tanggungjawab mengendalikan bengkel umum seperti Tunas Muda dan Tunas Remaja untuk mengukur kemampuan sama ada layak atau tidak menyertai program besar seperti MPR.

"Ada yang kita lihat berpotensi lalu diserapkan dalam MPR seperti penyair muda, Muhammad Lutfi Ishak, tetapi ada juga penulis yang gagal sebagai pembimbing kerana tidak berkemahiran komunikasi yang baik, culas dalam memeriksa karya dan banyak menerima komen



Pembimbing MPR perlulah setanding dengan prestij program yang bertahan sejak dimulakan pada tahun 1985, sekali gus bermakna mereka perlulah prolific, berketrampilan dan sanggup memberikan komitmen sepenuhnya."

Siti Aisah Murad,
Ketua Bahagian
Pembinaan Bakat dan
Kepakaran, DBP

negatif peserta.

"Ingin saya tegaskan, tidak semestinya penyair atau penulis hebat itu layak menjadi pembimbing kerana masih banyak faktor yang mempengaruhi pemilihan," katanya pada program yang turut dihadiri Pengarah Jabatan Pengembangan Bahasa dan Sastera DBP, Padilah Ali dan Pegawai Projek MPR 2016, Mohd Jusoh Majid.

Sementara itu, novelis, Salina Ibrahim yang bertindak sebagai pembimbing MPR untuk tempoh tujuh tahun berturut-turut menafikan wujud budaya 'melobi' dalam pemilihan tugas berkenaan.

Nafi wujud budaya melobi

"Saya mula menjadi pembimbing MPR sejak tahun 2010 tetapi ia langsung tiada kena-mengena dengan hal melobi kerana yang penting adalah menunaikan tanggungjawab dalam mendidik bakal pelapis penulis."

"Orang mungkin tidak tahu bahawa pembimbing MPR bekerja 24 jam sehari tanpa cuti bagi memantau perkembangan peserta selepas bengkel, bahkan ada dalam kalangan bekas peserta MPR 2012 masih menghubungi saya untuk semakan karya."

"Mungkin ada yang menganggap bayaran sebagai pembimbing lumayan, sedangkan kami dibayar semasa berbengkel saja, manakala kerja pemantauan, pengumpulan dan penyuntingan karya yang memakan masa berbulan-bulan dilakukan secara sukarela," katanya.

Sebahagian peserta seminar.

Selain Salina yang membimbing peserta MPR 2016 bagi penulisan cerpen, pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Shamsudin Othman turut menjadi pembimbing dalam genre puisi, selain sesi perkongsian bersama tokoh pula menampilkan Penerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara (SEA Write) 2010, Zainal Palit atau lebih dikenali sebagai Zaen Kasturi.

Peserta teruskan legasi ayah

Dalam perkembangan lain, MPR 2016 turut disertai anak kepada penyair prolifik, Allahyarham Rahimdin Zahari, iaitu Muhammad Adib Ashraf, 18, yang meneruskan legasi penulisan bapanya yang juga bermula daripada program penataran bakat itu.

Mengakui terkilan kerana tidak sempat 'berguru' dengan bapanya sendiri, Muhammad Adib berkata, selepas pemergian Allahyarham pada tahun lalu, beliau berazam untuk mula menulis secara serius.

"Ayah menjadi sumber inspirasi saya untuk mula menulis, bahkan kecenderungan untuk berkarya hampir sama, iaitu lebih terarah kepada penulisan puisi."

"Kebanyakan sajak yang saya hasilkan sememangnya daripada pengalaman sendiri, khususnya kesedihan dan luahan perasaan anak yang begitu merindui bapanya yang kini sudah tiada lagi."

"Berada di MPR juga sangat mengundang nostalgia kerana bapa saya bukan saja alumninya, bahkan pernah menjadi pembimbing bagi program ini," katanya.

Dalam perkembangan lain, MPR 2016 turut disertai anak kepada penyair prolifik, Allahyarham Rahimdin Zahari, iaitu Muhammad Adib Ashraf, 18, yang meneruskan legasi penulisan bapanya yang juga bermula daripada program penataran bakat itu.

Mengakui terkilan kerana tidak sempat 'berguru' dengan bapanya sendiri, Muhammad Adib berkata, selepas pemergian Allahyarham pada tahun lalu, beliau berazam untuk mula menulis secara serius.

"Ayah menjadi sumber inspirasi saya untuk mula menulis, bahkan kecenderungan untuk berkarya hampir sama, iaitu lebih terarah kepada penulisan puisi."

"Kebanyakan sajak yang saya hasilkan sememangnya daripada pengalaman sendiri, khususnya kesedihan dan luahan perasaan anak yang begitu merindui bapanya yang kini sudah tiada lagi."

"Berada di MPR juga sangat mengundang nostalgia kerana bapa saya bukan saja alumninya, bahkan pernah menjadi pembimbing bagi program ini," katanya.

Dalam perkembangan lain, MPR 2016 turut disertai anak kepada penyair prolifik, Allahyarham Rahimdin Zahari, iaitu Muhammad Adib Ashraf, 18, yang meneruskan legasi penulisan bapanya yang juga bermula daripada program penataran bakat itu.

Mengakui terkilan kerana tidak sempat 'berguru' dengan bapanya sendiri, Muhammad Adib berkata, selepas pemergian Allahyarham pada tahun lalu, beliau berazam untuk mula menulis secara serius.

"Ayah menjadi sumber inspirasi saya untuk mula menulis, bahkan kecenderungan untuk berkarya hampir sama, iaitu lebih terarah kepada penulisan puisi."

"Kebanyakan sajak yang saya hasilkan sememangnya daripada pengalaman sendiri, khususnya kesedihan dan luahan perasaan anak yang begitu merindui bapanya yang kini sudah tiada lagi."

"Berada di MPR juga sangat mengundang nostalgia kerana bapa saya bukan saja alumninya, bahkan pernah menjadi pembimbing bagi program ini," katanya.